

**PROGRAM DAKWAH ISLAMIAH PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM  
MALAYSIA (PERKIM) KEBANGSAAN KEPADA SAUDARA MUSLIM:  
SATU TINJAUAN DARI SEGI PENDIDIKAN**

Nur A'thiroh Masyaa'il Tan Binti Abdullah @ Tan Ai Pao  
Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan  
Fakulti Pengajian Islam, UKM  
Email: [athiroh@ukm.my](mailto:athiroh@ukm.my)

Dr. Fakhrul Adabi Abdul Kadir  
Akademik Pengajian Islam  
Universiti Malaya  
Email: [fakhruladabi@um.edu.my](mailto:fakhruladabi@um.edu.my)

Prof. Dr. Siti Rugayah Hj Tibek  
Institut Kajian Rantau Asia Barat (IKRAB)  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Email: [gay@ukm.my](mailto:gay@ukm.my)

Ustaz Haji Amran Abdullah  
Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM)  
Email: [amran@perkim.net.my](mailto:amran@perkim.net.my)

**ABSTRAK**

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) sebuah pertubuhan bukan kerajaan NGO memainkan peranan yang penting dalam usaha dakwah Islamiah dan kebajikan masyarakat di Malaysia, terutamanya dakwah kepada Saudara Muslim. Pelbagai program telah dilaksanakan oleh PERKIM untuk memantapkan hal ehwal yang berkaitan dengan Saudara Muslim. Oleh itu, kertas kerja ini bertujuan untuk membincangkan program dakwah PERKIM kepada Saudara Muslim. Kajian ini dilakukan dalam bentuk kajian perpustakaan. Hasil kajian mendapati program dakwah Islamiah oleh PERKIM Kebangsaan kepada Saudara Muslim adalah berdasarkan lima elemen utama yang menggerakkan halatuju PERKIM iaitu melalui dakwah, pendidikan, kebajikan, kerjasama dalam bidang agama Islam dan penerbitan. Kajian ini menumpukan kepada program pendidikan dari PERKIM kepada sasaran dakwahnya iaitu Saudara Muslim khususnya dalam kajian ini. Dalam usaha merealisasikan objektif penubuhannya, PERKIM mengaplikasikan program dakwah Islamiah secara sistematik, berdasarkan kerja-kerja kebajikan, pendidikan khidmat masyarakat dan penerbitan ilmiah yang terbukti telah memberi manfaat kepada semua sasaran dakwah dan sekaligus dapat meningkatkan imej Islam serta menghapuskan sebarang prasangka buruk terhadap Islam. Dakwah Islamiah yang efektif ini merealisasikan pembentukan Saudara Muslim yang lestari dan berdikari sepanjang zaman.

---

*Abstrak ini dikemukakan untuk International Conference On Research In Islamic And Arabic Language Education 2012. Pada 28 Mei 2012 hingga 8 Jun 2012 di Mekkah. Anjuran Persatuan Intelktual Muslim Malaysia (PIMM).*

## PENDAHULUAN

Kedatangan Islam telah membawa kepada perkembangan dakwah Islamiah di Tanah Melayu. Sejarah kedatangan Islam di Tanah Melayu seawal abad ke-14. Merujuk Mahayudin Hj. Yahya (2001:15) dalam buku karangannya bertajuk *Islam di Alam Melayu* menyatakan perkembangan dakwah di Tanah Melayu berlaku melalui aktiviti pedagang Islam dari Arab dirantau Asia Tenggara. Kedudukan geografi Tanah Melayu yang terletak di tengah-tengah rantau Asia Tenggara yang terkenal sebagai “emporium perdagangan” atau “Semenanjung Emas” di kalangan pedagang Arab. Senario ini telah membawa kepada dakwah Islamiah di Tanah Melayu. Kegiatan dan perkembangan dakwah selepas kemerdekaan Tanah Melayu 31 Ogos 1957 menjadi lebih jelas dan tersusun khususnya dalam kalangan golongan muda dalam period awal tahun 1970-an (Ab. Aziz Mohd Zin 1999: 180). Menurut Ab. Aziz Mohd Zin (2006:46-48) lagi, usaha dakwah selepas kemerdekaan Malaysia adalah melalui pendekatan-pendekatan seperti dakwah melalui landasan politik kepartian, dakwah melalui jentera kerajaan, dakwah melalui pertubuhan bukan kerajaan (NGO) iaitu Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan jemaah tabligh. Manakala dakwah perseorangan turut diberikan perhatian ketika itu.

Definisi dakwah menurut Bahi al-Khuli (1983:52) dalam kitab karangannya *Tazkiyah al-Du'at* ialah usaha anjakan paradigma umat manusia ke satu tahap yang relaven dengan tabiat semula jadi manusia yang dicipta oleh Allah SWT. Dakwah dalam maksud yang lain ia merupakan satu kurikulum dan penerangan yang lengkap, kegiatan ajakan baik dalam bentuk lisan, penulisan mahupun tingkah laku. Ia dilakukan secara sedar dan terancang dalam usaha mempengaruhi orang lain (A.Hasjmy 1994:19), iaitu mengajak, memujuk dan mempengaruhi orang lain untuk menerima Islam sebagai agama yang benar dan mengesakan Allah SWT.

Artikel ini membincangkan secara tinjauan literature sebahagian daripada kajian yang dilakukan berkenaan program dakwah PERKIM kepada Saudara Muslim. Artikel ini memfokuskan kepada aspek program dakwah Islamiah iaitu program pendidikan kepada Saudara Muslim di PERKIM Kebangsaan, Kuala Lumpur.

## **LATAR BELAKANG PERTUBUHAN KEBAJIKAN ISLAM MALAYSIA (PERKIM)**

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia atau dikenali dengan nama singkatannya PERKIM merupakan sebuah NGO yang giat menjalankan usaha dakwah kepada masyarakat khususnya kepada Saudara Muslim. Ia diasaskan oleh Almarhum YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj Perdana Menteri Malaysia yang pertama dan didaftarkan pada 19 Ogos 1960. Selepas penubuhannya, Tunku telah dilantik sebagai Penasihat sehingga tahun 1971 dan dipilih sebagai Presiden sehingga tahun 1989 (<http://www.perkim.net.my/>: 2010). PERKIM sebuah pertubuhan NGO yang terkenal di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Kini, PERKIM diketuai oleh Y.A Bhg Tun Dr. Mahathir Mohamad yang juga bekas Perdana Menteri Malaysia keempat. Menurut fakta yang direkodkan, YDP Pertama ialah Tan Sri Dato' SOK Ubaidullah (1960-1964), YDP Kedua; Tan Sri Haji Yusoff Hj Ibrahim (1964-1968), YDP Ketiga; Tan Sri Abd. Aziz Haji mohd Zain (1969-1971), YDP Keempat; disandang semula oleh Tan Sri Haji Yusoff Hj Ibrahim (1972-1974), YDP Kelima; YTM Tunku Abdul Rahman Putra Al Haj (1974-1989) dan YDP Keenam; Y.A.B Tan Sri Datuk Patinggi Dr. Haji Abdul Taib Mahmud (1989-2006) dan pemimpin utama PERKIM ialah Y.A Bhg Tun Dr. Mahathir Mohamad (2006 hingga sekarang) (Risalah Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM): t.th). Tunku Abdul Rahman telah mengadakan perjanjian persefahaman (MOU) dengan kerajaan Libya dalam usaha penubuhan PERKIM. Kerajaan Libya telah bersetuju untuk memberi pinjaman kepada Tunku di awal penubuhan PERKIM di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur.

Merujuk kepada laman sesawang <http://www.perkim.net.my> (2010), PERKIM di peringkat negeri dikenali sebagai PERKIM Bahagian. Terdapat tiga bahagian PERKIM di seluruh negara kecuali Sabah. Pengurusan PERKIM Bahagian diketuai oleh Pengerusi PERKIM Bahagian yang dilantik dalam Mesyuarat Agung PERKIM Bahagian. Manakala Urusetia PERKIM Kebangsaan menyalurkan peruntukan untuk pengajian kakitangan dan juga untuk beberapa aktiviti tertentu di peringkat PERKIM Bahagian. PERKIM juga mempunyai bahagian wanita yang dikenali sebagai Wanita PERKIM dan kedudukannya adalah setaraf dengan PERKIM Bahagian. Di peringkat bahagian pula terdapat entiti cawangan di setiap daerah. Cawangan-cawangan ini diuruskan oleh Pengerusi Cawangan yang juga dipilih di dalam Mesyuarat Agung PERKIM Cawangan. Cawangan ini

bertanggungjawab melapor segala aktiviti kepada PERKIM Bahagian bagi memastikan ianya selari dengan dasar PERKIM Kebangsaan.

Cogankata PERKIM iaitu, "Islam Itu Persaudaraan" (Perlembagaan PERKIM: t.th: 1) menjadi tunggak yang harus sentiasa dihayati dan dipraktikkan dimana PERKIM hendaknya dijadikan nadi untuk menyatupadukan umat Islam khususnya ahli-ahli dan masyarakat setempat amnya. Merujuk Perlembagaan PERKIM (t.th: 1-2), lencana dan lambang PERKIM mengandungi kubah dan masjid berwarna hijau tua dengan bintang berbucu lima di atas kubah dan menara terletak dalam lingkungan bulan sabit yang di atasnya tertulis dengan perkataan jawi “ Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia dan “PERKIM” dibawahnya. Manakala visi PERKIM ialah untuk menjadikan PERKIM sebagai NGO dakwah sejajar dengan wawasan 2020 serta misinya untuk merealisasikan PERKIM sebagai sebuah NGO penggerak dakwah terunggul untuk member sokongan kepada institusi Islam di Malaysia dan antarabangsa (<http://www.perkim.net.my/>: 2010).

Menurut Ab aziz Mohd Zin et al. (2006:215), objektif penubuhan PERKIM ialah untuk mengembangkan ajaran Islam khusus kepada mereka yang tiada sebarang anutan agama dan keduanya ialah untuk membantu Saudara Muslim dalam pemahaman dan amalan dalam akidah Islam. Selain itu, untuk menolong mereka yang masih menganggur dan mengalami kesusahan setelah ditinggalkan keluarga akibat memeluk agama Islam.

Terdapat Lima elemen utama yang menggerakkan halatuju PERKIM (Perlembagaan PERKIM: t.th: 2-3) iaitu:

- i) Dakwah: Menjalankan dakwah Islamiyah kepada orang-orang Islam dan bukan Islam dengan cara positif dan berkesan.
- ii) Pendidikan: Memberi, mengada, mengurus dan menjalankan pelajaran serta pendidikan Islammenerusi segala media dan segala jalan yang sah di sisi undang-undang.
- iii) Kebajikan:Menjalankan semua kerja kebajikan termasuk memberi bantuan, derma, biasiswadan dermasiswa kepada sesiapa yang berkelayakan dan menjalankan lain-lain amal jariah kepada yang sakit, miskin, susah dan daif.
- iv) Kerjasama dalam bidang agama Islam: Menubuhkan perantaraan dan kerjasama dengan pertubuhan-pertubuhan dan badan-badan Islamyang lain demi kemajuan agama Islam.
- v) Lain-lain: Menjalankan lain-lain kegiatan demi kepentingan dan kemajuan Islam.

Untuk mencapai objektif penubuhannya, PERKIM menjalankan dakwah Islamiah berdasarkan kerja-kerja kebajikan yang terbukti telah memberi manfaat kepada semua kelompok masyarakat, sekaligus dapat meningkatkan imej Islam serta menghapuskan sebarang prasangka buruk terhadap Islam (<http://www.perkim.net.my/>: 2010). PERKIM menurut Badlihisam Mohd Nasir ( 1998:40) seperti petikan dari Perlembagaan PERKIM ia berorientasikan penyebaran dakwah kepada Muslim dan non Muslim serta pengurusan kebajikan Saudara Muslim.

Dengan ini, jelaslah bahawa PERKIM menjalankan usaha dakwah Islamiah melalui pendekatan dakwah yang sistematik, pendidikan, kebajikan dan menjalankan kegiatan dengan badan-badan agama lain demi kepentingan penyebaran dan perkembangan syiar Islam.

## SAUDARA MUSLIM

Perkataan Saudara Muslim atau lebih dikenali sebagai mualaf terdapat pelbagai takrifan dan pengertian dikemukakan dalam kamus-kamus, ulamak semasa dan sebagainya. Perkataan ini disebut sekali dalam al-Quran di dalam surah al-Taubah ayat 60: Firman Allah SWT:

﴿ إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِلِينَ عَلَيْهَا وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغُرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴾

Maksudnya:

Sesungguhnya sedekah-sedekah ( zakat ) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah SWT, dan orang-orang musafir ( yang keputusan kewangan ) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah ) sebagai satu ketetapan ( yang datangnya ) daripada

Allah SWT. Dan ( ingatlah ) Allah SWT amat Mengetahui lagi amat Bijaksana. ( al-Qur'an, *al-Tawbah* 9: 60 ).

Dalam ayat 60, surah al-Tawbah ini membuktikan bahawa terdapat lapan asnaf yang berhak untuk mendapat zakat. Selain daripada golongan fakir, golongan miskin, amil-amil yang mengurus zakat, golongan yang memerdekakan hamba, golongan yang berhutang, golongan fisabilillah, orang-orang yang bermusafir dan terputusnya bekalan yang berhak ke atas peruntukan zakat, golongan mualaf atau Saudara Muslim berhak dengan bahagian zakat. Walaupun selepas kewafatan Rasulullah SAW, pemberian zakat perlu diteruskan sehingga Saudara Muslim diyakini mendapat pengetahuan ilmu Islam dan beramal dengannya. Oleh yang demikian, ia akan menambahkan keimanan mereka, mengukuhkan pegangan agama Islam dalam diri mereka, memantapkan dan menguatkan keyakinan mereka kepada keesaan Allah SWT.

Dalam Ensiklopedia Islam (2005) memberi penjelasan bahawa Saudara Muslim ialah mereka yang diberi perhatian supaya memeluk Islam atau memperkuat keislamannya. Merujuk Kamus Istilah Fiqh (1997), Saudara Muslim ialah mereka yang dijinak hatinya atau yang baru memeluk Islam dan iman mereka masih lemah. Mereka tergolong dalam lapan asnaf yang berhak menerima bantuan zakat.

Anuar Puteh (2005) menyatakan Saudara Muslim merupakan mereka yang telah melafazkan kalimah syahadah dan golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan. Manakala Al-Jaza'iri (1990) mendefinisikan mualaf kepada beberapa jenis, iaitu:

- i) Golongan yang lemah imannya, iaitu yang baru memeluk Islam dan berhak diberi zakat.
- ii) Golongan yang berpengaruh di kalangan satu-satu masyarakat dan kewujudan mereka ini boleh menyebabkan orang lain memeluk agama Islam.
- iii) Mereka yang kuat imannya. Apabila diberikan habuan zakat kepadanya menyebabkan orang lain tidak melakukan kejahatan.
- iv) Golongan yang boleh menarik orang lain untuk mengeluarkan zakat.

Dengan itu, mualaf, saudara baru atau saudara kita atau Saudara Muslim adalah mereka yang dijinakkan hati mereka untuk menerima Islam dan telah melafazkan dua kalimah syahadah. Mereka merupakan golongan yang baru memeluk Islam. Pemberian zakat adalah bertujuan untuk memotivasikan dan memantapkan lagi keislamannya serta beramal dengan ajaran Islam.

## **PROGRAM DAKWAH ISLAMIAH PERKIM KEBANGSAAN KEPADA SAUDARA MUSLIM: TINJAUAN DARI SEGI PENDIDIKAN**

PERKIM antara salah satu Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) yang memainkan peranan penting dalam dakwah Islamiah kepada Saudara Muslim di Malaysia. Terdapat pelbagai program dakwah PERKIM Kebangsaan kepada Saudara Muslim secara tinjauan literature melalui program dakwah Islamiah kepada Muslim dan Non Muslim, program dakwah melalui pendidikan, program dakwah melalui kebajikan dan aktiviti dakwah melalui penerbitan.

### **Dakwah Melalui Pendidikan**

PERKIM menjalankan usaha dakwah melalui pendidikan iaitu pendidikan di Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP), menyediakan kelas Tadika PERKIM Kg Koh dan Tadika PERKIM Pulau Pinang, aktiviti MAMPU serta Kelas PERKIM kepada masyarakat umum dan Saudara Muslim khususnya dalam kajian ini.

#### **i. Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP), Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan**

Saudara Muslim di Malaysia mendapat pembelaan yang sepenuhnya dari kerajaan Malaysia dan juga Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti PERKIM Kebangsaan dalam soal pendidikan khususnya. Saudara Muslim dibekalkan dengan ilmu asas Islam. Setiap Bahagian PERKIM di seluruh negara menyediakan kepada fardu ain kepada Saudara Muslim dan dibimbing oleh tenaga pengajar yang berkemahiran. Kelas-kelas asas agama diadakan dalam Bahasa Melayu, Bahasa English, Bahasa Cina dan Bahasa India. Program pendidikan kepada Saudara Muslim juga dilakukan melalui ceramah agama, forum, diskusi ilmiah untuk peningkatan dan pemantapan ilmu mereka. Saudara Muslim juga ditawarkan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat lebih tinggi di Institut Dakwah Islamiah PERKIM

(IDIP).Laman web PERKIM Kebangsaan di sesawang <http://www.perkim.net.my/> (2011) menyatakan IDIP telah ditubuhkan pada akhir tahun 1961, bertempat di sebuah rumah banglo dua tingkat, Jalan Ampang, Kuala Lumpur. Ia bermula sebagai sebuah pusat latihan yang dinamakan Pusat Latihan Mubaligh Darul Arqam. Ia ditubuhkan bagi memenuhi keperluan PERKIM untuk melahirkan para mubaligh yang boleh menyampaikan mesej Islam kepada masyarakat bukan Islam. Seramai 24 pelajar telah diambil sebagai kumpulan perintis, terdiri dari kebanyakannya daripada anak-anak Melayu lepasan universiti-universiti India, disamping sekumpulan pelajar dari Korea Muslim Federation. Pada tahun 1963, pusat ini terpaksa diberhentikan kerana masalah yang dihadapi oleh PERKIM pada ketika itu.Pada tahun 1975, pusat latihan ini diwujudkan semula, bertempat di No. 250-D, Balai Islam, Jalan Ipoh, Kuala Lumpur dengan nama PUSAT LATIHAN AGAMA PERKIM. Pada tahun 1976, pusat latihan ini dipindahkan ke Wisma Selangor, Jalan Universiti, Petaling Jaya, Selangor.Pada tahun 1979, pusat ini sekali lagi bertukar nama kepada Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP). Institut ini berpindah ke Taman Putra PERKIM, Pengkalan Chepa, Kelantan pada 15 Februari 1991 sehingga sekarang.Tempoh masa kursus yang ditetapkan adalah selama 4 tahun meliputi latihan dan praktikal. Ia ditubuhkan untuk memberi Pendidikan Islam secara formal kepada saudara kita dan anak-anak mereka dengan tujuan supaya mereka dapat memahami dan menghayati Islam sebagai satu cara hidup. Objektif keduanya adalah supaya saudara kita dapat mengajar dan menyebarkan Islam di kalangan anggota masyarakat mereka sendiri.

Terdapat dua program yang ditawarkan oleh IDIP iaitu; Asas Kefahaman Islam (dua semester) dan Pengajian Islam dan Praktikal Dakwah (lapan semester). Ia juga menyediakan pembelajaran akademik untuk calon-calon SPM dan STPM bagi membolehkan mereka mencapai pengajian tertinggi sama ada di Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia dan luar negara.

Kemudahan lain yang disediakan oleh PERKIM seperti;

- i) Biasiswa daripada Majlis Agama Islam atau Jabatan Agama Islam Negeri dan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli bagi pelajar yang baru memeluk agama Islam atau anak-anak kepada Saudara Muslim.
- ii) Bayaran pendahuluan dari PERKIM kepada pelajar-pelajar yang sedang menunggu biasiswa.



iii) Asrama lelaki dan perempuan bagi yang belum berkahwin, manakala tempat tinggal bagi mereka yang sudah berumahtangga.

iv) Perkhidmatan perubatan di Hospital Besar Kota Bharu dan Hospital Universiti Sains Malaysia Kubang Kerian, Kota Bharu, Kelantan.

Pelajar-pelajar IDIP terdiri dari pelbagai suku kaum dan keturunan seperti Cina, India dan Orang Asli Semenanjung. Pelajar dari Negeri Sabah seperti suku kaum Kadazan, Murut dan Dusun serta dayak, Bidayuh dan Bisayah bagi suku kaum Sarawak. Terdapat juga pelajar dari luar negara seperti dari negara Filipina, Cambodia, Thailand dan Indonesia. IDIP memberi galakan kepada pelajar yang tamat pengajian untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi(<http://www.perkim.net.my/>: 2012 ).

Merujuk Laporan Tahunan 2010 Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Kebangsaan Kali ke-50 yang diadakan di Negeri Sembilan, tujuan dan matlamat IDIP adalah untuk mentarbiah dan sebagai pusat latihan dakwah untuk Saudara Muslim dan menerima calon pelajarnya dari pelbagai bangsa dan suku kaum. Oleh itu, penubuhan IDIP adalah khusus untuk pertarbiahan dan bimbingan agama kepada Saudara Muslim agar mereka dapat menghayati, mengamalkan cara hidup Islam serta memahami akidah dan syariat Islam dengan penuh keyakinan dan membimbing masyarakat mereka cara hidup Islam.

IDIP telah menghasilkan graduan yang hebat seperti Ustaz Farid Ravi, Ustaz Daud Lin, Ustaz Omar Lim, Ustaz Mohd Rafiq, Ustaz Yusuf Ong dan ramai lagi yang mana kini giat menjalankan dakwah Islamiah di Malaysia.

## **ii. Tadika PERKIM Kg Koh, Setiawan, Perak**

Tadika PERKIM Kg. Koh merupakan sebuah Tadika Islam yang bertujuan memberikan pendidikan pra persekolahan kepada kanak-kanak. Ia dikendalikan oleh dua orang pegawai dakwah PERKIM telah dibuka di Kampung Koh, Sitiawan, Perak. Kelas yang diadakan bermula dari hari Isnin hingga Jumaat mulai jam 08.30 pagi hingga 11.00 pagi. Tadika ini terbahagi kepada dua kelas iaitu Kelas A berumur dari lima hingga enam tahun (pra tadika) dan kelas B dari umur enam hingga tujuh tahun(<http://www.perkim.net.my/>: 2012). Murid-murid di tadika ini seramai 50 hingga 60 orang terdiri daripada kanak-kanak Islam dan bukan Islam, lelaki dan perempuan. Majoriti 99% di tadika tersebut terdiri daripada kanak-kanak

bukan Islam(<http://www.perkim.net.my/>: 2012). Ini jelas menunjukkan PERKIM menjalankan dakwah kepada Muslim dan non Muslim. Dakwah yang sistematik akan menarik non Muslim untuk mengenali dan memilih Islam sebagai agamanya.

### **iii. Tadika PERKIM Pulau Pinang**

Usaha dari segi pendidikan yang dijalankan oleh PERKIM melalui Tadika PERKIM Pulau Pinang yang mana ia telah diasaskan oleh Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj pada tahun 1978 dengan sokongan Y A Bhg. Tun Datu Haji Mustafa bin Harun. Tadika ini telah ditadbirkan oleh sebuah Jawatankuasa. Ia terletak di sebuah banglo di atas sebidang tanah yang telah diwakafkan oleh Al-marhum Y.T.M Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj(<http://www.perkim.net.my/>: 2010).

Tadika ini diwujudkan untuk memberi pelajaran serta pendidikan agama Islam kepada kanak-kanak. Tadika ini dibuka kepada semua kanak-kanak tanpa mengira kaum atau agama dan peringkat umur, lima dan enam tahun. Peratus bagi kanak-kanak bukan Islam adalah lebih kurang 5% pada tahun ini. Pada dasarnya PERKIM Kebangsaan telah memperuntukkan sebanyak RM 1,000.00 sebulan kepada Tadika PERKIM di Pulau Pinang.

Dari segi pengajian, tadika ini mempunyai satu sesi sahaja iaitu bermula dari jam 08.30 pagi hingga 12.30 tengahari. Bagi kanak-kanak bukan Islam, sesi akan bermula 09.00 pagi hingga 12.30 tengahari kerana setengah jam pertama ialah masa membaca Al-Quran. Semasa kelas Pendidikan Islam dijalankan, kanak-kanak bukan Islam akan diajar Pendidikan Moral.

Ditinjau dari segi jumlah pelajarinya adalah seramai 135 orang dengan 9 orang tenaga pengajar termasuk kakitangannya. Ianya dibahagikan kepada lima kelas dengan hitung panjang bilangan satu kelas ialah 23 orang. Bilangan yang kecil ini adalah unggul untuk menentukan kanak-kanak berpeluang menerima perhatian individu daripada guru dan mendapat pendidikan berkualiti yang ditekankan oleh tadika ini. Satu pembaharuan baru yang dibuat ialah pengajaran Bahasa Arab dan pembinaan makmal komputer dengan 12 buah komputer untuk pengetahuan pengkomputeran pada kanak-kanak dan guru-guru(<http://www.perkim.net.my/>: 2011).

### **iv. Majlis Permuafakatan Kelab PERKIM Universiti (MAMPU)**

Kelab PERKIM universiti terdiri daripada ahli-ahli PERKIM yang melanjutkan pengajian di IPTA dan IPTS. Ia merupakan platform untuk mahasiswa menyebarkan dakwah di kalangan masyarakat. Beberapa universiti di Malaysia telah menubuhkan Kelab PERKIM. Antaranya Kelab PERKIM (UKM), Kelab PERKIM (KUIS), Kelab PERKIM (UUM), Kelab PERKIM (UIA NILAI), Kelab PERKIM (UNIKL) dan sebagainya.

Objektifnya adalah untuk menjalinkan hubungan akrab dengan segenap lapisan masyarakat. Keduanya ia berhasrat untuk melahirkan generasi yang mempraktikkan agama, mencintai ilmu dan berakhlak mulia. Seterusnya ia juga bertujuan untuk memupuk keharmonian kaum yang berbilang bangsa dan agama di Malaysia dan objektif terakhirnya adalah untuk melakukan kerja-kerja kebajikan yang memartabatkan akhlak dan keharmonian sebagai unsur penting dalam keharmonian kaum (Laporan Tahunan 2010 Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Kebangsaan Kali ke-50).

Merujuk Laporan Tahunan 2010 Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Kebangsaan Kali ke-50, tema aktiviti Kelab PERKIM Universiti seperti mengadakan seminar yang mensasarkan mahasiswa dan masyarakat awam, mengadakan khidmat masyarakat, mewujudkan diskusi ilmiah, mewujudkan rangkaian hubungan antara universiti-universiti Malaysia, lawatan ke perkampungan Saudara Muslim, menyertai dan mempromisikan PERKIM kepada masyarakat.

Oleh yang demikian, dengan kewujudan Kelab PERKIM Universiti ini akan menyumbang kepada kebaikan dan dakwah Islamiah kepada masyarakat awam. Selain dari itu, PERKIM dengan aktiviti pendidikannya akan memacu insan cemerlang dunia dan akhirat.

## **KESIMPULAN**

PERKIM Kebangsaan jelas telah menjalankan dakwah Islamiah dengan baik dan sistematik. Program dakwah Islamiah PERKIM Kebangsaan melalui pendidikan, merupakan satu sokongan kepada usaha dakwah Islamiah secara menyeluruh di Malaysia khususnya kepada Saudara Muslim dan khasnya kepada masyarakat Cina, India, Orang Asli dan Bukan Bumiputera di Sabah dan Sarawak. Ia mampu membentuk masyarakat Islam yang beriman,

berilmu dan beramal serta menjalankan dakwah dalam masa yang sama memartabatkan agama Islam.

## **Bibliografi**

### *Al-Qur'an*

Abdullah Muhammad Basmeh. 2000. *Tafsir Pimpinan al-Rahman kepada Pengertian al-Qur'an*. Terj. Kuala Lumpur: Darul Fikr.

A.Hasjmy.1994. *Dustur Dakwah Menurut Al-Qur'an*. Jakarta. PT Bulan Bintang.

Ab. Aziz Mohd Zin, Nor Raudah Hj Siren, Yusmini Md Yusoff, Faridah Mohd Sairi & Mohd Anwarulhaq Sulaiman(pnyt.). 2006. *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur:, Penerbit Universiti Malaya.

Ab. Aziz Mohd Zin.1999.*Pengantar Dakwah*. Kuala Lumpur. Penerbit Universiti Malaya.

Abdul Ghafar Haji Don & Shamsul Bahri Andi Galigo (pnyt.). 1998. *Dakwah Menjana Masyarakat Madani*. Bangi: Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Bahi al-Khuli.1983.*Tazkiyah al-Du'at*. Beirut. Dar al-Qur'an al-Karim

*Ensiklopedia Islam*. 2005

Al-Jaza'iri, °Abd al-Rahman.1990. *Kitab al-fiqh °ala al-madhahib al-arba°ah*. Beirut. Dar al-Fikr.

Mahayudin Hj. Yahya. 2001. *Islam Di Tanah Melayu*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Laporan Tahunan 2010 Mesyuarat Agung Tahunan PERKIM Kebangsaan Kali ke-50

Perlembagaan PERKIM, t.th

Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia <http://www.perkim.net.my> pada 30 Ogos 2010

Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Dr. Faudzinaim Hj. Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). 2005. *Masa depan saudara baru: Harapan, realiti & cabaran*. Bangi:, Pusat Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.

